

08 JAN 2002

Mahathir-Banjir

KESAN BANJIR DI GUNUNG PULAI SANGAT DAHSYAT, KATA DR MAHATHIR

PONTIAN, 8 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan sebagai "sangat dahsyat" banjir yang berlaku di Gunung Pulai dekat sini yang mengakibatkan tanah runtuh dan lima orang terbunuh pada malam 27 Dis lepas.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak pernah menyaksikan kesan banjir yang sebegitu dahsyat di negara ini.

Katanya, laporan akhbar mengenai bencana yang menghanyutkan dan memusnahkan empat buah rumah penduduk di Kampung Sri Gunung Pulai di tebing Sungai Air Hitam di kaki Gunung Pulai, tidak menggambarkan kesan dahsyat yang sebenar.

"Kesan daripada banjir ini begitu dahsyat, saya tak pernah tengok di Malaysia banjir yang semacam ini," katanya kepada pemberita selepas meluangkan masa sejam meninjau sendiri kesan banjir lumpur di kampung itu dan meninjau ke puncak Gunung Pulai, tempat kejadian tanah runtuh itu bermula.

Dr Mahathir, yang menyaksikan timbunan kayu-kayu balak setinggi 25 meter di tepi jambatan merentangi sungai di situ, berkata kesan buruk banjir itu jauh lebih teruk daripada apa yang beliau jangkakan sebelum ini.

Beliau berkata kerajaan pusat akan memberikan apa juga bantuan bagi memulihkan keadaan kawasan-kawasan yang teruk dilanda banjir di Johor.

Perdana Menteri berkata selain memberikan bantuan bagi pemulihan prasarana dan mencegah banjir, tindakan yang akan disegerakan oleh kerajaan pusat ialah membantu mangsa-mangsa yang terjejas teruk.

"Keutamaan kita ialah membantu orang ramai, sebab itu kita bagi duit (sebagai) bantuan kepada mereka yang menghadapi masalah, kanak-kanak yang tak ada baju, buku, kita dah bagi dah," katanya.

Bantuan serupa juga telah disalurkan kepada mangsa-mangsa banjir di Pahang, antara negeri yang terjejas teruk baru-baru ini.

Dr Mahathir berkata bantuan tambahan mungkin diberikan selepas usaha pemulihan keadaan dijalankan.

Beliau berkata keutamaan kerja di Gunung Pulai sekarang ialah membersihkan kesan banjir lumpur itu dan menentukan saluran air sungai itu supaya seboleh-bolehnya bencana dahsyat itu tidak berulang.

Perdana Menteri yang diiringi Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman serta isteri masing-masing, dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting yang juga Anggota Parlimen Pontian, turut mendengar taklimat kerajaan Johor mengenai keadaan banjir.

Ia disampaikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Ayob Mion di Pulau Spring Resort tidak jauh dari situ.

Mengenai bantuan kewangan yang diperlukan oleh kerajaan negeri untuk usaha pemulihan, Dr Mahathir berkata, : "Di mana yang boleh kita bantu, kita bantulah."

-- BERNAMA

MNY MAI